

USAH KELIRU ETIKA KERJA

BH 14 JUN 1982

IPOH, Ahad
Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, seruan kerajaan supaya rakyat Malaysia meniru dan mengamalkan etika kerja orang-orang Jepun dan Korea Selatan sama sekali tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Malah, kata Perdana Menteri, gesaan kerajaan itu selaras dengan kehendak hadis Nabi Muhammad s.a.w. yang menyuruh umatnya menuntut ilmu walaupun hingga ke Negeri China.

Bellau menarik perhatian adanya golongan yang keliru dan tersalah tafsiran terhadap seruan kerajaan itu.

Katanya, hanya mereka yang tidak mahu orang Islam berjaya, kuat, bebas dan bahagia sahaja yang akan membuat tafsiran lain terhadap seruan kerajaan itu.

"Tidak ada yang dicampur-aduk dari segi agama, jika kita meniru cara kerja atau menuntut ilmu dari orang lain.

"Agama mereka adalah agama mereka, dan agama Islam adalah agama Islam," tegas bellau.

Perdana Menteri menegaskan demikian ketika merasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan di sini malam ini.

"Sebagai seorang Islam kita disuruh menuntut ilmu walaupun hingga ke Negeri China.

"Menuntut ilmu memerlukan disiplin dan kesungguhan. Memelajari cara bekerja dari Jepun dan Korea Selatan adalah sebahagian dari usaha menuntut ilmu itu," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Islam merupakan satu cara hidup yang paling sempurna yang mengutamakan disiplin dan kesungguhan.

Dua sikap itu tabahnya, bukan terhad kepada amalan sembahyang sahaja tetapi meliputi semua bidang hidup.

"Setiap yang disuruh oleh agama Islam mempunyai aturan dan cara yang ditentukan, ada yang wajib, sunat dan haram.

"Semuanya disusun untuk kebahagiaan dan kemajuan kita, dan kita akan mencapai kebahagiaan dan kemajuan jika kita patuh dan bersungguh dalam amalan kita," kata Perdana Menteri.

Tegas bellau lagi, sekiranya pada hari ini umat Islam dihina, diejek, lemah dan tidak hidup bahagia, ini ialah kerana kita tidak patuh kepada ajaran Islam yang sebenar.

"Ramai dari kita membuat tafsiran sendiri, yang lebih mengutamakan apa yang dianggap rupa dan bunyi Islam daripada isi kandungan dan amalan yang sebenar.

"Isi kandungan Islam kita belakangkan, sementara kita utamakan perkara titik-bengik yang kita cipta dan perjuangkan sehingga berlaku perpecahan di kalangan orang Islam," jelasnya.

Perdana Menteri mengulangi bahawa disiplin dan kesungguhan diperlukan untuk menjadi seorang Islam atau masyarakat Islam yang sempurna. Tanpa kedua sikap itu, amalan kita tidak bermakna.

Bellau menekankan tidak ada cara paling berkesan bagi menjamin masa depan umat Islam kecuali dengan meningkatkan disiplin dan kesungguhan dalam semua lapangan, termasuk pekerjaan.

Di samping beribadat dengan penuh disiplin, khusyuk serta bersungguh-sungguh, bekerja dan berusaha mengikut landasan disiplin dan kesungguhan yang dikehendaki Islam juga diperlukan, katanya.

"Kerja yang dibuat semata-mata kerana memnuhi waktu atau

bagi mengisi syarat bagi mendapat upah, bukanlah mengikut cara yang disuruh dalam Islam.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, sehingga sekarang umat Islam masih mudah ditindas dan dipermainkan kerana kita membelakangkan perkara-perkara yang memerlukan disiplin dan kesungguhan.

"Banyak kerja yang penting kini diserah kepada orang lain kerana kerja-kerja ini tidak selesa atau tidak menarik minat orang-orang Islam.

"Sebaliknya, mereka suka kepada kerja-kerja ringan, berpangkat, yang tidak memerlukan kecakapan, disiplin dan kesungguhan.

Ini semua menjadikan orang Islam dan negara mereka bertambah lemah dan menyebabkan mereka tidak bebas dan berdikari," tegas Datuk Seri Dr. Mahathir.

Seterusnya, Perdana Menteri berharap, umat Islam mengambil peluang dari majlis musabaqah itu untuk mendapatkan teladan dan pengajaran dari ayat-ayat suci Al-Quran yang diperdengarkan.